

## **KEPUTUSAN AUDIOLOGI PADA MIRINGOPLASTI DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHINYA**

Dalilawati Mohd Kassim

Kajian ini bertujuan melihat perubahan yang berlaku pada tahap pendengaran selepas pembedahan miringoplasti serta faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan tahap pendengaran. Tahap pendengaran dinilai pada ambang konduksi udara, konduksi tulang serta jurang ambang konduksi udara dan tulang sebelum dan selepas pembedahan. 43 telinga yang berjaya dalam pembedahan miringoplasti di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia telah terlibat dalam kajian ini, berumur di antara 18;0 hingga 60;0. Nilai ambang konduksi udara dan ambang konduksi tulang sebelum dan selepas pembedahan diambil pada frekuensi oktaf 250Hz hingga 8000Hz serta pada purata tiga frekuensi iaitu 500, 1000 dan 2000Hz. Nilai ini telah diuji semula dalam jangkamasa 3 bulan hingga 1 tahun selepas pembedahan. Ujian-*t* berpasangan menunjukkan terdapat perubahan yang signifikan untuk tahap pendengaran yang terdiri daripada ambang konduksi udara pada semua frekuensi kecuali frekuensi 8000 Hz dan ambang konduksi tulang pada frekuensi rendah sahaja selepas pembedahan dijalankan. Jurang ambang konduksi udara dan tulang selepas pembedahan juga mengalami perubahan yang signifikan pada semua frekuensi di mana jurangnya menjadi semakin kecil. Daripada analisa yang telah dijalankan, faktor-faktor yang dijangka mempengaruhi keputusan tahap pendengaran selepas pembedahan miringoplasti seperti jangkamasa penyakit otitis media, saiz lubang pada gegendang telinga, jurang ambang konduksi udara dan tulang sebelum pembedahan serta doktor yang menjalankan pembedahan didapati tidak mempengaruhi dalam peningkatan tahap pendengaran subjek selepas pembedahan.

Kata kunci : Tahap pendengaran, miringoplasti

### **AUDIOLOGICAL RESULTS OF MYRINGOPLASTY AND FACTOR AFFECTING IT**

The purpose of this study is to see the changes that happen to hearing level after myringoplasty, and the factors that may affect them. The hearing level had been assessed at pre and postoperative air conduction, bone conduction and air-bone gap. Four factors that may have an effect on the audiological results were analysed. There were the duration of otitis media, size of perforation, total of air-bone gap before operation and status of surgeon. 43 ears that succeed in the surgery were included in this study. All subjects were the patients of HUKM, subjects ranging from 18 – 60 years. The hearing levels of each sample were measured at octave frequencies 250-8000 Hz and the three frequency average (0.5, 1, 2 kHz) was calculated. These values have been assessed in duration of three month to one year post-operatively. *t*-test showed that there are significant differences between air conduction at all frequencies except at 8kHz, pre- and post-operative bone conduction at all frequencies except at 250-500 Hz and air-bone gap at all frequencies. Duration of otitis media, size of perforation, pre-operative air-bone gap and status of the surgeon were found to have no effect on the post operation air-bone gap.

Key words : Hearing level, myringoplasty

Dalilawati Mohd Kassim. 2002. Audiological Results of Myringoplasty and Factor Affecting It. Bachelor of Audiology Thesis. National University of Malaysia.